

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN LEE LOY SIAN**  
**[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**TARIKH** : **18 MEI 2016**

**SOALAN** : **Tuan Hee Soy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindak balas Kerajaan atas laporan Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu (UN) pada 10 Mac 2016, Kesatuan Antara-Parlimen (IPU) pada 6 April 2016 dan Kesatuan Eropah (EU) mengenai desakan untuk Membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai tahanan politik.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB, Zeid Ra'ad Al Hussein telah membuat komen mengenai kes Dato' Seri Anwar Ibrahim, semasa mesyuarat Sesi ke-31 Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva pada 10 Mac 2016. Kerajaan Malaysia kesal dengan komen yang disuarakan oleh Pesuruhjaya Tinggi yang berdasarkan maklumat yang tidak berasas dan berat sebelah.

3. Demi memastikan ketepatan, pada 11 Mac 2016 Perwakilan Tetap Malaysia ke PBB di Geneva telah melaksanakan Hak Menjawab (*'Right of Reply'*) semasa mesyuarat tersebut, untuk memberi maklum balas Kerajaan di atas dakwaan-dakwaan mengenai kes Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kenyataan Malaysia menekankan bahawa Kerajaan telah memberi maklum balas yang menyeluruh kepada Kumpulan Kerja Penahanan Arbitrari PBB atau UN Working Group on Arbitrary Detention (WGAD), dan menerangkan bahawa atas asas undang-undang serta fakta yang tidak dapat disangkal, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah didapati bersalah selepas perbicaraan yang adil yang telah mengambil masa 6 ½ tahun. Kenyataan Malaysia juga menegaskan bahawa beliau bukan

seorang tahanan politik. Kementerian Luar Negeri juga telah mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai perkara tersebut, serta memuatnaik teks kenyataan Hak Menjawab Kerajaan Malaysia di laman web Kementerian.

5. Begitu juga dengan Sesi Mesyuarat Parlimen Eropah (*European Parliament*) telah meluluskan usul bersama berkaitan satu resolusi mengenai Malaysia pada 17 Disember 2015 di Strasbourg, Perancis. Resolusi tersebut telah diusulkan oleh segelintir Ahli Parlimen Eropah terutamanya dari parti *Socialists and Democrats* (S&D) dan telah disokong oleh sesetengah Ahli Parlimen dari parti-parti lain seperti *European People's Party* (EPP), *Conservatives and Reformists* (ECR), *Liberals and Democrats* (ALDE), *Freedom and Direct Democracy* (EFDD) dan *Verts/ALE*.

6. Resolusi tersebut mengandungi perkara-perkara lain yang merujuk kepada keadaan hak asasi manusia di Malaysia secara keseluruhannya dan perkara berkaitan Datuk Seri Anwar Ibrahim hanyalah satu daripada 17 perkara lain yang telah dinyatakan di dalam Resolusi tersebut. Adalah ditegaskan bahawa Resolusi tersebut tidak mewakili pendirian Kesatuan Eropah secara keseluruhannya.

7. Selain itu, Resolusi tersebut juga tidak mengikat (*non-binding*) dan adalah lebih terarah untuk menunjukkan keinginan politik (*political desire*) untuk bertindak terhadap sesuatu perkara tertentu.

8. Pihak Kerajaan telah mengambil maklum mengenai Resolusi Parlimen Eropah tersebut. Namun begitu, dengan mengambilkira status

Resolusi tersebut yang tidak mengikat, pihak Kementerian Luar Negeri telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mengeluarkan Kenyataan Media mengenai resolusi tersebut pada 20 Disember 2015;
- (ii) menyediakan Nota Percakapan dan *pointers* untuk kegunaan Kedutaan Besar Malaysia secara *interim* pada 17 Disember 2015 dan 27 Januari 2016 untuk membidas dakwaan pihak Parlimen Eropah tersebut; dan
- (iii) menyediakan jawapan lengkap terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam resolusi tersebut yang telah dipanjangkan kepada pihak Kedutaan Besar Malaysia di Brussels untuk diedarkan kepada pihak Kesatuan Eropah (EU) dan Ahli-ahli Parlimen Eropah (MEP). Ia juga telah dihebahkan melalui laman web rasmi Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Secara keseluruhannya, Kerajaan Malaysia akan sentiasa memastikan hak-hak asasi manusia di Malaysia terjamin. Ini adalah disebabkan oleh komitmen teguh pihak kerajaan untuk menegakkan kedaulatan undang-undang dan hak asasi manusia. Kerajaan telah dan akan terus memberikan ruang demokrasi yang diperlukan untuk rakyatnya. Dalam keadaan yang sama, Kerajaan mempunyai kewajipan untuk memastikan keamanan, kestabilan dan keharmonian di negara ini yang merupakan pra-syarat bagi kenikmatan hak sepenuhnya.

10. Malaysia amat menghormati kepentingan peranan Majlis Hak Asasi Manusia sebagai sebuah badan antara kerajaan yang berpandukan prinsip-prinsip sejagat, tidak berat sebelah, objektif dan tidak selektif. Oleh itu, Kerajaan Malaysia berharap agar Majlis Hak Asasi Manusia akan seimbang dalam menilai keadaan hak asasi manusia bagi kesemua negara-negara anggota. Malaysia juga menghargai dialog yang membina serta interaksi aktif yang menjadi asas kepada usaha-usaha Majlis Hak Asasi Manusia dan akan terus mengekalkan kerjasama rapat dengan mekanisme Majlis Hak Asasi Manusia.

Sekian, terima kasih.